

23 FEB 1999

MAHATHIR-G-7

LIBATKAN NEGARA MEMBANGUN DALAM FORUM BARU, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 23 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengutus surat kepada semua ketua negara perindustrian Kumpulan Tujuh (G-7) dan menggesa mereka membenarkan negara-negara membangun turut serta dalam usaha mereka untuk mewujudkan satu struktur baru kewangan global.

Dr Mahathir juga menyarankan agar G-7 mengadakan pengawasan dana lindung nilai, manakala kuasa untuk memeriksanya tidak harus dihadkan hanya di kalangan anggota perkumpulan tersebut, sebaliknya harus juga turut disertai oleh negara-negara membangun.

Di dalam surat yang juga dihantar kepada Presiden Amerika Bill Clinton itu, Perdana Menteri menyatakan "Kami, negara-negara membangun menjadi mangsa dalam dunia sejagat yang bebas ini, negara-negara maju dan juga negara-negara membangun harus membantu satu sama lain."

Beliau berkata demikian bagi mengulas mesyuarat G-7 dalam satu wawancara dengan akhbar harian Jepun, "Mainichi."

Komen beliau ini adalah teks terjemahan wawancara yang dibuat oleh ketua biro penerbitan itu di Hong Kong, Akiko Kato di sini semalam dan dihantar melalui faks kepada Bernama hari ini.

Pada mesyuarat menteri-menteri kewangan itu, G-7 telah bersetuju supaya perkumpulan itu mengkaji cara-cara untuk memperkukuhkan kerjasama global dan menyarankan supaya diwujudkan "forum kestabilan" meja bulat pengawal selia dan penyelia kewangan bagi mengatasi krisis kewangan daripada awal sebelum ia merebak.

Perkumpulan itu juga menyokong langkah-langkah bagi menyatukan badan-badan kawal selia di seluruh dunia agar lebih berpengaruh dalam menghadapi pasaran kewangan global yang canggih.

Forum baru ini akan merangkumi pegawai-pegawai dari Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Bank Dunia, Bank Penjelasan Antarabangsa dan Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi serta wakil-wakil G-7, pengawal selia dalam sektor perbankan, sekuriti dan insurans serta pakar-pakar bank pusat.

Bagaimanapun, soal melibatkan negara-negara membangun langsung tidak disebut.

Tetapi, G-7 ada berkata bahawa kumpulan kira-kira 40 pegawai itu akan terlebih dahulu bertemu sempena mesyuarat separuh tahun IMF dan Bank Dunia di Washington pada bulan April dan mungkin diperluaskan kemudian untuk meliputi ekonomi-ekonomi pasaran baru muncul.

Dalam wawancara tersebut, Dr Mahathir juga melahirkan rasa kecewanya bahawa mesyuarat menteri-menteri kewangan G-7 itu yang membuat keputusan tentang menubuhkan pasukan petugas bagi tujuan ini tidak melibatkan negara-negara membangun di dalamnya. -- BERNAMA

MR KY OS